

**Majlis Media Malaysia Diharap Dapat Kekang Masalah Kebebasan Media
Bernama
19 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 19 April (Bernama) -- Tokoh Wartawan Negara, Tan Sri Zainuddin Maidin berharap Majlis Media Malaysia, yang bakal ditubuhkan, dapat mengekang masalah kebebasan media dan gangguan yang dihadapi wartawan dan penerbit akhbar dalam melaksanakan tanggungjawab mereka kepada rakyat.

Beliau berkata majlis itu diharap mampu mengendalikan tindakan undang-undang yang bersifat kepentingan politik dan bukannya kerana kepentingan rakyat.

Bekas Menteri Penerangan itu mendakwa korporat besar, gergasi perniagaan dan perusahaan atau pengiklan merupakan 'tangan yang tersembunyi' yang menyekat akhbar daripada menyiarkan berita yang boleh memburukkan imej atau kepentingan perniagaan mereka.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=660507>